



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT PARLIMEN BUKIT BINTANG DISAMBUT MERIAH**

**KUALA LUMPUR, 5 Februari 2017** – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) dan Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Parlimen Bukit Bintang yang diadakan di Jalan Alor Bukit Bintang, Kuala Lumpur dihadiri oleh kira-kira 3000 orang warga kota. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di Bukit Bintang, Kuala Lumpur selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong kebersihan. Selain itu, menerusi Kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkuatkkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga Wilayah Persekutuan khususnya bagi komuniti Parlimen Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

3. Pelbagai aktiviti lain turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti aktiviti komuniti bersama persatuan penduduk membersihkan kawasan, persembahan muzik jalanan, pendaftaran pemilih SPR dan persembahan kebudayaan tarian singa. Jalan Alor Bukit Bintang merupakan kawasan tumpuan warga kota dan pelancong asing dan faktor ini dapat menarik minat mereka untuk bersama-sama menjayakan aktiviti gotong-royong kebersihan disamping menyaksikan persembahan kebudayaan sempena Sambutan Tahun Baru Cina. Melalui konsep gotong-royong ini juga akan dapat memeriahkan dan menceriakan lagi warga kota khususnya di Bukit Bintang.

Dengan amalan ini, ianya bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat.

4. Kawasan Jalan Alor sedang dalam proses naik taraf yang menelan belanja sebanyak RM16 juta. Jalan raya di sini telah pun di turap menggunakan tar yang lebih tahan lasak bukan hanya untuk laluan kenderaan tetapi bagi kegunaan penganjuran program-program berskala besar. Sistem perparitan diperbaiki dan lampu jalan berkonsepkan *chop stick* akan dipasang di sepanjang Jalan Alor untuk menambah pencahayaan dan keindahan kawasan di sini. Bersempena dengan program Kenduri 1WP turut diadakan aktiviti Gotong-Royong Kebersihan dan Cegah Denggi bersama komuniti Bukit Bintang yang bertemakan 'Bebas Denggi Masyarakat Ceria' bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes. Longkang-longkang di sekitar kawasan Bukit Bintang telah dibersihkan dan dicuci bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes dengan kerjasama pihak DBKL yang telah melakukan semburan asap bagi menghapuskan nyamuk-nyamuk ini.

5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Parlimen Bukit Bintang, Kuala Lumpur dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria. Selain itu program ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
5 Februari 2017